



MAJLIS PERBANDARAN KULAI
KENYATAAN TAWARAN TENDER BIL 7/2020 (CIDB)
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

PERINCIAN TENDER	KELAS	KEPALA	SUB KEPALA	PEMBELIAN DOKUMEN TENDER	MAKLUMAT PENJUALAN
JUALAN SEMULA NO TENDER : MPKu/T/10/2020 (TPPM) CADANGAN KERJA-KERJA NAIKTARAF RUMAH PANGSA KOS RENDAH, TAMAN PUTRI KULAI BAGI 5 BLOK (FASA 1) BAGI PROJEK TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020	G4	CE & B	CE21 & B15	Harga Dokumen RM250.00 (Tidak Dikembalikan) Bentuk Pembayaran Wang Tunai	TARIKH JUAL : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN) TARIKH TUTUP : 13 DISEMBER 2020 (AHAD) Sebelum Jam 12.00 Tengahari

PERHATIAN

1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan **Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU)** di bawah tajuk berkaitan dan yang masih sah tempoh pendaftarannya.
2. **TAKLIMAT TENDER - TIADA**
3. Untuk urusan pembelian dokumen tender, sila bawa bersama **Sijil-sijil ASAL beserta (1) SALINAN :**
 - i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB; Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU;
 - ii. Sijil Pendaftaran Perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - iii. Cop Syarikat;
 - iv. Slip ASAL Kebenaran Khas dari CIDB (jika berkenaan) (**RESIT TIDAK DITERIMA SEMASA SESI PEMBELIAN**)
 - v. **HANYA PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang dibenarkan hadir bagi pembelian dokumen Tender. **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN.**
 - vi. Waktu Penjualan dokumen adalah sebagaimana berikut :

Hari	Waktu Operasi Kaunter	Waktu Rehat
AHAD – RABU	8.30 PAGI – 4.30 PETANG	1.00 – 2.00 Petang
KHAMIS	8.30 PAGI – 3.00 PETANG	

4. Petender diminta melengkapkan Senarai Semakan beserta tandatangan dan cop syarikat di muka pertama Dokumen Tender sebelum dimasukkan ke dalam Peti Tawaran. Segala kesulitan yang dihadapi sekiranya gagal melengkapkan dokumen tender adalah dibawah tanggungan pihak petender sendiri.

5. **PENYERAHAN TENDER**

- i. Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dilakri dan dihantar dengan serahan tangan ke alamat di bawah sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup yang tersebut di atas. Dokumen Tender yang dihantar selepas dari tarikh dan waktu yang dinyatakan tidak akan dilayan. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan Tender ini.

Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di :-

**Aras 1, Bersebelahan Bilik Mesyuarat Jabatan Kewangan,
Bangunan Lama MPKu.
Sebelum Jam 12.00 Tengahari**

- ii. Petender hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut ketika pengembalian dokumen tender dan dimasukkan ke dalam sampul :
- Set Dokumen Tawaran yang lengkap diisi harga setiap item di dalam Senarai Kuantiti dan jumlah harga tawaran di Ringkasan Tender.
 - Dokumen sokongan mengandungi maklumat dan data-data syarikat berhubung dengan penyata kewangan 3 bulan terkini yang disahkan oleh Pegawai Bank, pengalaman kerja yang setaraf, kakitangan teknikal, logi, peralatan asas, dan prestasi kerja semasa petender. Petender dikehendaki mengemukakan Penyata Kewangan Syarikat 3 bulan Terkini Yang ASAL dan telah disahkan oleh pihak bank (Pengesahan Oleh Pegawai Bank mengandungi nama pegawai bank beserta No. I.D dan cop cawangan bank) semasa menghantar dokumen tender. Sekiranya maklumat yang dikehendaki tidak disertakan, tawaran pemborong dianggap TIDAK LAYAK untuk dipertimbangkan.
 - Salinan Penyata Kewangan **HANYA DIBENARKAN** untuk pembelian melebihi 1 dokumen tender.

6. Sekiranya perlu, pihak syarikat boleh menuntut semula dokumen Tender beserta Profil Syarikat dalam tempoh **4 bulan selepas tarikh tutup jualan Tender**. Jika tiada tuntutan dibuat dalam tempoh tersebut, dokumen Tender beserta Profil Syarikat akan dilupuskan.

YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KULAI,
JALAN PEJABAT KERAJAAN,
81000 KULAI.
TARIKH IKLAN : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)